

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

2021

HARI KHAMIS : 2 DISEMBER 2021

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 3, 7, 10, 11, 15 HINGGA NO. 32)

**[SOALAN NO 3 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN
SOALAN NO 13]**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HJ CHE ABDULLAH B. MAT NAWI
(TUMPAT)**

TARIKH : 2 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI [TUMPAT] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rancangan Kementerian untuk membangunkan sebuah IPD Tumpat dan Balai Polis di Wakaf Bharu, Tumpat, Kelantan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi cadangan untuk membangunkan sebuah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tumpat dan Balai Polis di Wakaf Bharu, Tumpat, Kelantan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), akan melihat keperluan untuk menaiktaraf atau pembinaan baharu IPD dan Balai Polis berkenaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, perancangan dan pembangunan sesebuah projek di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN), termasuk pembinaan baharu adalah ditentukan berdasarkan prioriti dan kriteria-kriteria keutamaan mengikut kemampuan kewangan Kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN RUSNAH BT. ALUAI (TANGGA BATU)

TARIKH : 2 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN RUSNAH BT. ALUAI [TANGGA BATU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk membuka semula permohonan bagi Geran Persatuan Penduduk.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Inisiatif pemberian Geran Persatuan Penduduk merupakan program di bawah Kementerian Dalam Negeri yang bermula pada tahun 2013 untuk menggerak dan memperkasakan peranan pertubuhan melalui Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM). Sehingga tahun 2019, JPPM telah berjaya menyalurkan peruntukan secara keseluruhan berjumlah RM79.9 juta lebih kepada 8,146 pertubuhan di bawah kategori Persatuan Penduduk, Kebajikan dan Keselamatan yang berdaftar di seluruh negeri bagi menjaga keselamatan dan kesejahteraan komuniti setempat melalui pemberian geran tersebut.

Pada tahun 2019, pihak Kementerian juga telah menjalankan kajian bagi menilai keberkesanan program pemberian Geran kepada Pertubuhan serta mengenal pasti manfaat dana ini kepada komuniti dari aspek

SOALAN NO : 10

keselamatan dan kesejahteraan termasuk pencegahan jenayah dan aktiviti kejiranan. Rumusan daripada kajian mendapati bahawa majoriti atau lebih daripada 50 peratus pertubuhan telah bersetuju bahawa penyaluran geran ini sangat berkesan dalam membantu meningkatkan keselamatan dan kesejahteraan komuniti setempat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pihak KDN amat komited untuk terus melaksana dan menambah baik mekanisma pelaksanaan pemberian geran melalui Pemberian Geran Pembangunan Pertubuhan bagi tahun 2022. Perkara ini adalah selaras dengan Pelan Strategik JPPM 2021-2025 di bawah Teras 2 iaitu Memperkasakan Pertubuhan dan Komuniti.

Sehubungan dengan itu, di bawah Bajet 2022 Inisiatif 5: Pertahanan & Ketenteraman Awam, Kementerian Dalam Negeri akan melaksanakan Program Malaysian Incentive Community Empowerment melalui pemberian geran sehingga 10 ribu ringgit kepada 2,000 pertubuhan yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia dalam kategori Kebajikan, Sosial, Keselamatan dan Hak Asasi. Inisiatif ini melibatkan jumlah peruntukan sebanyak 20 juta ringgit.

Menerusi program ini, adalah diharapkan lebih banyak pertubuhan komuniti di bawah kategori Kebajikan, Sosial, Keselamatan dan Hak Asasi yang berdaftar akan menerima manfaat dalam agenda memperkasakan pertubuhan khususnya untuk membangunkan tadbir urus pertubuhan yang cekap, memupuk nilai kesukarelawan dan mengenal pasti nilai kepimpinan dalam komuniti bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat melalui semangat Keluarga Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI (KUDAT)

TARIKH : 2 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah Projek Perumahan Rakyat (PPR) Pitas yang melibatkan 440 unit dapat disiapkan sepenuhnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memulakan pembinaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Pitas pada 5 April 2017 dan tarikh siap asal adalah pada 4 Oktober 2020. Walau bagaimanapun, **tarikh siap terkini berdasarkan lanjutan masa yang diberikan adalah pada 15 Februari 2022. Kemajuan fizikal terkini di tapak adalah 79.03%.**

Namun begitu, pada **23 Oktober 2021**, pihak kontraktor telah menyatakan hasrat untuk menarik diri daripada kontrak berikutan masalah pengurusan dan kewangan. Sehubungan itu, kertas perakuan projek sakit telah disediakan dan akan diangkat untuk pertimbangan *Contract Coordination Panel (CCP)* pada **30 November 2021** bagi tujuan penamatan kontrak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI [IGAN]

TARIKH : 2 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapa buah koperasi di negeri Sarawak dan senaraikan koperasi yang berjaya mengikut kategori dan kejayaan termasuk koperasi yang telah ditutup operasinya termasuk koperasi di kawasan Parlimen Igan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 30 Jun 2021, terdapat sebanyak 1,097 koperasi telah didaftarkan di negeri Sarawak dengan keanggotaan seramai 294,012 orang. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 23 koperasi telah didaftarkan di kawasan Parlimen Igan dengan jumlah anggota seramai 3,826 orang.
2. Untuk makluman Yang Berhormat, kejayaan sesebuah koperasi boleh diukur dari segi nilai perolehan perniagaan tahunan yang dijana oleh sesebuah koperasi. Sehingga 30 Jun 2021, nilai perolehan perniagaan koperasi di negeri Sarawak berjumlah RM139.63 juta yang disumbangkan daripada koperasi dalam kategori/fungsi berikut:

Bil.	Kategori/Fungsi	Nilai Perolehan Perniagaan
(i)	Kredit	RM35.99 juta
(ii)	Pengguna	RM40.10 juta
(iii)	Pertanian	RM48.10 juta
(iv)	Lain-lain	RM15.44 juta

3. Mengenai koperasi yang ditutup operasi atau dibatalkan pendaftarannya, bermula 1 Mac 2020 sehingga 30 Jun 2021, terdapat 31 koperasi telah dibatalkan pendaftarannya di negeri Sarawak.
4. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, tiada koperasi yang dibatalkan pendaftarannya di Parlimen Igan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR]

TARIKH : 2 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini pelaksanaan sistem Rekod Kesihatan Elektronik atau *Electronic Medical Records (EMR)*.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia telah mendapat kelulusan daripada Unit Perancang Ekonomi (EPU) bagi projek pelaksanaan *Electronic Medical Record* (EMR) di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia di Negeri Sembilan pada 9 Disember 2020 dengan kos projek sebanyak RM140 juta. Bagi fasa permulaan projek, Projek EMR Kebangsaan ini telah dibentangkan dan mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Pemandu ICT Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jawatankuasa ICT Sektor Awam (JTISA). Projek EMR Kebangsaan kini memasuki fasa perancangan projek dan status terkini adalah dalam proses perolehan kontrak dan disasarkan selesai pada bulan Disember 2021.
2. Pelaksanaan Projek EMR Kebangsaan ini akan dilaksanakan secara rintis melibatkan semua fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia di Negeri Sembilan merangkumi perluasan ke 7 buah hospital, 42 buah klinik kesihatan dan 11 buah klinik pergigian. Integrasi semua fasiliti berkenaan termasuk 37 buah klinik TPC-OHCIS sedia ada akan tercapai melalui *Sistem Health Information Exchange* (HIE). Secara keseluruhannya, 97 fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia di Negeri Sembilan akan terlibat dalam projek ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS
[LIBARAN]**

TARIKH : 02 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @ TUBAU [LIBARAN] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bagaimanakah Kementerian melaksanakan program Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar dan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat Luar Bandar melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) bertanggungjawab untuk mendorong aspirasi pekerja berkemahiran melalui pungutan levi daripada majikan dan pembiayaan program latihan serta pembangunan untuk tenaga kerja Malaysia. Peranan PSMB turut merangkumi penempatan pekerjaan dan latihan industri, bimbingan serta kaunseling kerjaya. Di samping itu, PSMB turut mengembangkan peluang menjana pendapatan bagi rakyat Malaysia dari pelbagai kemahiran, latar belakang dan kemampuan.

YAB Perdana Menteri semasa membentangkan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) pada 26 September 2021, turut mengumumkan Program Pemerksaan Ekonomi Komuniti Bandar dan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat Luar Bandar yang memberi fokus untuk meningkatkan kebolehpasaran, kesejahteraan dan kuasa beli keluarga B40.

Satu unit khas pada peringkat Persekutuan dan pejabat daerah akan ditubuhkan bagi mengurus pangkalan data secara bersepadu serta menyelaras semua program dan inisiatif yang dilaksanakan sama ada oleh pihak Kerajaan atau sektor korporat. PSMB akan terus menyokong agenda ini bagi meningkatkan keupayaan, kemahiran dan daya saing pekerja menerusi pelaksanaan program latihan kemahiran dan latihan semula kemahiran, termasuk yang tinggal di luar bandar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN GOBIND SINGH DEO
[PUCHONG]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN GOBIND SINGH DEO minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan meminda Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk luluskan ‘Marijuana Perubatan’ dan sekiranya ya, bila.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Akta sedia ada yang mengawal selia kanabis dan hasilnya di Malaysia iaitu Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Racun 1952 dan Akta Jualan Dadah 1952 tidak menghalang penggunaan keluaran yang mengandungi kanabis bagi tujuan pengubatan. Suatu keluaran yang mengandungi kanabis untuk digunakan bagi tujuan pengubatan manusia boleh diimport, dijual, dibekal dan digunakan di Malaysia sekiranya ia dilakukan dengan mematuhi keperluan undang-undang, antara keperluan tersebut adalah -

- a. keluaran telah didaftarkan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah sepetimana yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 yang dibuat di bawah Akta Jualan Dadah 1952;
- b. pengimportan keluaran dilakukan oleh pengimport yang mempunyai lesen dan kebenaran import di bawah Peraturan-

SOALAN NO : 18

Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984, Akta Racun 1952 serta Akta Dadah Berbahaya 1952;

- c. penjualan secara borong keluaran dilakukan oleh penjual yang mempunyai lesen di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984, Akta Racun 1952 serta Akta Dadah Berbahaya 1952; dan
 - d. penjualan atau pembekalan secara runcit keluaran untuk rawatan perubatan pesakit tertentu dilakukan oleh pengamal perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 kepada pesakitnya atau ahli farmasi berdaftar yang mempunyai lesen Jenis A kepada individu tertentu atas preskripsi yang dikeluarkan oleh pengamal perubatan berdaftar.
2. Sekiranya terdapat pihak yang mempunyai bukti saintifik yang mencukupi untuk menggunakan kanabis bagi apa-apa tujuan pengubatan dengan mengambil kira aspek kualiti, keselamatan dan keberkesanannya, permohonan untuk mendaftarkan keluaran mengandungi kanabis untuk tujuan pengubatan tersebut boleh dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kawalan Dadah untuk dinilai dan didaftarkan di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 dan seterusnya untuk dipasarkan di Malaysia.
3. Sehubungan itu, tiada keperluan untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952 disebabkan Akta sedia ada tidak menghalang penggunaan keluaran yang mengandungi kanabis bagi tujuan pengubatan tertakluk kepada pematuhan keperluan yang ditetapkan di bawahnya termasuklah keperluan undang-undang lain iaitu Akta Racun 1952 dan Akta Jualan Dadah 1952.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
(PENGERANG)**

TARIKH : 2 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID [PENGERANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kerajaan bersedia untuk meminda Perkara 14 Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan ibu warganegara Malaysia menikmati hak yang sama dalam mendapatkan status kewarganegaraan bagi anak-anak mereka yang lahir di luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri bersimpati dengan kes-kes ibu warganegara Malaysia yang berkahwin dengan lelaki bukan warganegara yang melahirkan anak di luar negara kerana perlembagaan tidak memperuntukkan untuk anaknya diberikan taraf kewarganegaraan secara kuatkuasa undang-undang. Namun demikian, Kementerian terikat dengan Perlembagaan dan perundangan sedia ada dalam negara berhubung dengan kewarganegaraan yang diperuntukkan dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan dan Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964].

Kementerian berada dalam keadaan terhimpit di atas keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Suriani Kempe & 6 lagi - lawan-Kerajaan Malaysia dan juga kes Mahisha Sulaiha Abdul Majeed -Iwn-Ketua Pengarah Pendaftaran Negara & 2 Lagi berhubung isu pentafsiran perkataan "bapa" dalam Jadual Kedua, Bahagian II, Seksyen 1(b) dan 1(c) Perlembagaan Persekutuan. Berhubung dengan keputusan permohonan penangguhan pelaksanaan perintah mahkamah (*stay of execution*) yang telah didengar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 15 November 2021 yang mana Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menolak permohonan tersebut. Kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara telah memfailkan "*fresh application for stay*" bersama Perakuan Segera (*Certificate of Urgency*) di Mahkamah Rayuan pada hari ini 16 November 2021. Pemfailan "*fresh application for stay*" ini dibuat bertujuan menangguhkan pelaksanaan perintah Mahkamah Tinggi.

Selain daripada itu, Kementerian bercadang untuk membawa perkara ini bagi mendapat polisi baharu Kerajaan untuk meminda perlembagaan bagi pemerolehan kewarganegaraan Malaysia bagi individu berumur di bawah 21 tahun yang dilahirkan di luar negara oleh ibu bertaraf warganegara Malaysia yang berkahwin dengan bapa bertaraf bukan warganegara secara kuat kuasa undang-undang. Dalam masa yang sama perkara ini perlu mendapat persetujuan Majlis Raja-Raja selaras dengan Perkara 159(5) Perlembagaan Persekutuan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [SHAH ALAM]

TARIKH : 2 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [SHAH ALAM] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam memastikan harga barang sentiasa dikawal, khususnya harga barang harian dan makanan seperti ayam, ikan, sayur-sayuran dan beras.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sentiasa memastikan kawalan ke atas barang keperluan melalui pemantauan harian oleh Pegawai Penguat Kuasa dan Pegawai Pemantau Harga (PPH). Pemantauan ke atas harga barang harian dan makanan seperti ayam, ikan, sayur-sayuran dilaksanakan oleh PPH melalui pelaporan *Price Alert* secara harian. Dapatan harga ini akan dianalisa dan dilaporkan kepada pengurusan atasan kementerian untuk tindakan lanjut sekiranya terdapat sebarang kenaikan luar biasa yang dikesan akan dibincangkan melalui Mesyuarat Task Force Kementerian yang diadakan secara harian. Pemeriksaan dan tindakan lanjut akan diambil oleh Pegawai Penguat Kuasa daripada maklumat yang dikemukakan.

Jawatankuasa Khas Kajian Rantaian Bekalan Makanan telah ditubuhkan bagi memastikan keberadaan makanan sentiasa stabil dan

mengcukupi di pasaran. Pemantauan secara berterusan dilaksanakan ke atas 2,711 premis peruncit terpilih (DDR), 1,039 premis pemberong terpilih (DDW) dan 223 premis pengilang/pengeluar terpilih (DDM) bagi memastikan keberadaan bekalan stabil dan mencukupi di pasaran melalui pelaporan harian oleh negeri meliputi 222 Parlimen dan 576 Dewan Undangan Negeri di seluruh Negara. Tindakan secara *soft approach* melalui Surat Pemberitahuan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 9AKHAP) 2011 merupakan pendekatan yang digunakan oleh pihak Kementerian ke arah perundingan secara terus, bersifat seimbang dan tidak menekan peniaga secara tindakan *deterent*. Surat ini dikeluarkan sebagai satu tindakan pemantauan kedudukan harga dan peringatan kepada peniaga supaya tidak menaikkan harga sewenang-wenangnya dan seterusnya dapat menangani isu kenaikan harga yang terlalu tinggi di pasaran.

Selain itu, kawalan ke atas barang keperluan semasa musim perayaan turut dibuat melalui pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) yang merangkumi Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali, Hari Krismas, Pesta Kaamatan dan Hari Gawai. Semasa pelaksanaan SHMMP, beberapa barang yang mendapat permintaan tinggi bagi sesuatu perayaan itu akan dikawal harganya untuk tempoh tertentu bagi memastikan Keluarga Malaysia menerima manfaat dan membeli barang keperluan ini pada harga yang munasabah.

Sepanjang tempoh tahun 2020 hingga Oktober 2021, sejumlah 9,212 tindakan kes berkaitan harga telah dihasilkan yang melibatkan rampasan bernilai RM123,939.00 dengan nilai kompaun sebanyak RM2,804,250.00 dan denda berjumlah RM7,000.00.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TENGKU ZULPURI SHAH B. RAJA PUJI
(RAUB)**

TARIKH : 2 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TENGKU ZULPURI SHAH B. RAJA PUJI minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dalam menghadapi era globalisasi ini, adakah pihak Kerajaan akan menukar atau menambahbaik Akta Dadah Merbahaya 1952 dan 1983, kerana ianya dilihat tidak lagi berkesan menghadapi ancaman perdagangan dadah serta kesan penagihannya dilihat semakin membimbangkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) memandang serius dan sentiasa komited menjalankan tanggungjawab untuk membanteras isu pengedaran, penyalahgunaan dan penagihan dadah di Malaysia.

Tindakan penguatkuasaan undang-undang ke atas individu atau sindiket pengedaran dadah sentiasa dilaksanakan dari semasa ke semasa melalui peruntukan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952.

Selaras dengan perkembangan semasa berkaitan isu penyalahgunaan dadah dan substansi, Kementerian sedang menyediakan Rang Undang-undang (RUU) bagi menggantikan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983. RUU ini bertujuan untuk meningkatkan akses kepada rawatan dan pemulihan dadah dan substansi serta memberi peluang kedua kepada penagih dan penyalah guna dadah bagi menjalani rawatan dan pemulihan di dalam institusi atau komuniti.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]

TARIKH : 2 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) perkembangan terkini pembinaan pusat rehabilitasi di Meru, Ipoh; dan
- (b) jelaskan kos anggaran serta kebaikan pembinaan tersebut

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Projek Pembangunan Pusat Rehabilitasi PERKESO di Meru, Ipoh telah selesai menjalani proses *schematic design* dan kini dalam proses mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang daripada pihak Majlis Bandaraya Ipoh. Adalah dijangkakan upacara pecah tanah dan kerja-kerja tanah (*earth works*) dapat dimulakan pada penghujung tahun 2021.

Anggaran kos pembinaan projek ini adalah sebanyak RM500 juta sepermula yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan dalam pembentangan Bajet 2020 pada 11 Oktober 2019. Kerajaan komited dalam menyediakan fasiliti dan kemudahan yang dapat membantu rakyat, khususnya golongan pekerja.

Antara kebaikan pembinaan sebuah lagi Pusat Rehabilitasi PERKESO, khususnya di Zon Utara adalah:

- i. memberikan perkhidmatan rehabilitasi yang berkualiti tinggi kepada golongan pekerja yang ditimpa bencana di bawah perlindungan PERKESO yang layak dan juga dapat diperluaskan lagi kepada orang awam secara keseluruhan; dan
- ii. mempergiatkan lagi sektor pelancongan kesihatan di Negeri Perak dan membawa banyak manfaat dari segi sosio-ekonomi serta pembangunan Negeri Perak dengan mewujudkan tambahan peluang pekerjaan, pembangunan modal insan, kebijakan masyarakat, dan kesejahteraan rakyat Negeri Perak secara keseluruhannya, selaras dengan Rancangan Struktur Negeri Perak 2040.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG (KEPONG)

TARIKH : 2 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG [KEPONG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) dilengkapi peralatan kamera badan (*bodycam*), berapa *bodycam* dibeli, jenis modelnya dan kos setiap *bodycam*.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Perolehan kamera badan (*body worn camera*) bagi kegunaan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah diluluskan oleh Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), *Rolling Plan* 1. Perolehan ini sedang dalam peringkat **memuktamadkan spesifikasi** dan akan dipelawa kepada semua pembekal yang layak secara tender terbuka melalui Sistem ePerolehan.

Sebanyak **2,040 unit** kamera badan akan dibeli dan diagihkan ke 85 lokasi meliputi Balai Polis, Ibu Pejabat Polis Daerah, Ibu Pejabat Polis Kontinjen dan Ibu Pejabat Polis Bukit Aman. Bagi perolehan ini, **tiada model tertentu** yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, spesifikasi yang diperlukan adalah berkualiti tinggi, menggunakan teknologi *Artificial Intelligence* (AI), berkeupayaan *live video streaming* serta produk mendapat kelulusan SIRIM.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN NOR AZRINA BT. SURIP (MERBOK)

TARIKH : 2 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah kriteria dan tempoh masa untuk memudahkan kelulusan permohonan Pemastautin Tetap (Permanent Residence) bagi anak-anak bukan warganegara di bawah 6 tahun yang dilahirkan kepada ibu warganegara Malaysia. Apakah penolakan permohonan kewarganegaraan salah satu kriteria yang perlu dipenuhi untuk kelayakan memohon Pemastautin Tetap.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kad Pengenalan Merah bertaraf Pemastautin Tetap (MyPR) dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) berdasarkan kepada peruntukan undang-undang di bawah Subperaturan 5(3)(b), Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 [PPN1990] kepada mana-mana individu yang layak berusia 12 tahun dan ke atas. Mana-mana individu yang bukan warganegara Malaysia boleh memohon taraf pemastautin tetap dan kad pengenalan MyPR setelah mendapat Permit Masuk yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

SOALAN NO : 24

Permit Masuk merupakan suatu dokumen yang membenarkan seseorang warganegara asing yang bukan bertaraf warganegara Malaysia untuk masuk dan tinggal tanpa tempoh di Malaysia. Permohonan Permit Masuk adalah terbuka kepada individu yang bukan bertaraf warganegara Malaysia dan memiliki dokumen perjalanan yang sah. Bagi permohonan dari Semenanjung Malaysia, Permit Masuk akan dikeluarkan di Ibu Pejabat Imigresen Malaysia, Putrajaya manakala bagi Sabah dan Sarawak, dokumen akan dikeluarkan di Pejabat Imigresen Negeri berkenaan.

Pengeluaran Permit Masuk kepada setiap warga asing dipertimbangkan dengan teliti terutamanya daripada segi latar belakang yang merangkumi umur, kelayakan akademik, kemahiran Bahasa Malaysia, tempoh menetap di Malaysia, nilai pelaburan dan pekerjaan / pengalaman serta aspek keselamatan demi kesejahteraan warganegara Malaysia.

Bagi anak di bawah umur 18 tahun kepada warganegara Malaysia, mereka layak dipertimbangkan pemberian Permit Masuk kerana termasuk dalam kategori orang yang dikecualikan daripada larangan kemasukan di bawah Perintah Imigresen (Larangan Masuk) 1963 tertakluk kepada pengemukakan dokumen-dokumen berkaitan termasuklah **surat keputusan penolakan tuntutan kewarganegaraan dari JPN** dan hendaklah **ditaja oleh ibu atau bapa yang bertaraf warganegara.**

Setelah memperoleh Permit Masuk, pemohon layak untuk memohon kad pengenalan MyPR di JPN. Setiap permohonan yang diterima oleh JPN akan disaring bagi mengesahkan maklumat-maklumat yang dikemukakan sebelum kad pengenalan MyPR diluluskan dan dicetak. Tempoh piagam adalah **3 bulan** dari tarikh permohonan lengkap diterima.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI WAN HASSAN MOHD RAMLI
(DUNGUN)**

TARIKH : 2 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perancangan untuk menambah aset-aset baru (seperti kapal/bot peronda laju dan pesawat) kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) bagi mempertingkatkan tahap kesiapsiagaan agensi bagi aset-aset yang sudah usang pada waktu ini dalam menjaga perairan negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pelan Perancangan Strategik Maritim Malaysia 2040 telah dirangka bagi memacu hala tuju mampan serta pelan peningkatan keupayaan dan aset bagi tempoh jangka masa pendek dan jangka masa panjang secara holistik bagi memastikan kedaulatan dan keselamatan sempadan maritim negara tetap terpelihara. Kerajaan mensasarkan menjelang tahun 2040, APMM akan memiliki kapal ronda, bot dan pesawat yang diperlukan serta Sistem Pengawasan Laut (SWASLA) yang meliputi keseluruhan kawasan Zon Maritim Malaysia bagi mengawal kawasan maritim negara.

Bagi mempertingkatkan tahap kesiapsiagaan dan mengatasi masalah aset-aset usang pada waktu ini, pelan penggantian aset-aset usang telah

SOALAN NO : 25

dilaksanakan selaras dengan Pelan Perancangan Strategik Maritim Malaysia 2040. Melalui Rolling Plan Kedua (RP 2), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), APMM melalui KDN telah memohon peruntukan bagi tujuan seperti berikut:

- i. Perolehan 2 buah Multi-purpose Mission Ship (MPMS) yang bertindak sebagai pusat kawalan operasi di kawasan sasaran dengan melaksanakan pengoperasian berkonsepkan Kapal Induk (Mothership) yang mana boleh mempertingkatkan pelaksanaan penguatkuasaan dan membanteras aktiviti rompakan hasil laut negara di Zon Maritim Malaysia (ZMM) terutamanya di Perairan Laut China Selatan;
- ii. Perolehan 2 buah pesawat Maritime Surveillance Aircraft (MSA) bagi meningkatkan keupayaan aset udara dalam pengawasan, penguatkuasaan serta carilamat di kawasan tanggungjawab (KTJ) dari Laut Sulu sehingga ke Laut Andaman;
- iii. Perolehan Sistem Pengawasan Laut (SWASLA) di kawasan pantai timur semenanjung dan Sarawak bagi mengatasi masalah ketiadaan litupan radar dan sekaligus meningkatkan keupayaan penguatkuasaan di seluruh Zon Maritim Malaysia (ZMM); dan
- iv. Perolehan 6 buah kapal New Generation Patrol Vessel (NGPV) bagi menggantikan aset yang telah berusia dan akan dilupuskan.

Melalui Inisiatif Bajet Tahun 2022 pula, KDN juga telah memohon peruntukan bagi perolehan *Coastal Watch Ship* dan pembinaan 4 Remote Sensor Site (RSS) SWASLA untuk kegunaan APMM.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI (JELUTONG)**

TARIKH : 2 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) ke Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia komited dalam memastikan keselamatan negara diutamakan dengan melaksanakan operasi penguatkuasaan secara berterusan serta tindakan pencegahan bagi mengelakkan berlakunya peningkatan jumlah pendatang asing tanpa izin (PATI) di negara ini.

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 6,877 operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia dengan tangkapan sebanyak 22,671 orang PATI dan 389 orang majikan. Manakala, bermula 1 Januari hingga 25 November 2021, Jabatan Imigresen Malaysia telah melaksanakan 4,453 operasi penguatkuasaan melibatkan tangkapan 15,545 orang PATI daripada pelbagai negara dan 170 majikan.

SOALAN NO : 26

Jabatan Imigresen Malaysia turut bekerjasama dengan Angkatan Tenteran Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan lain-lain agensi penguatkuasaan dalam melaksanakan Op Benteng di bawah *National Task Force* (NTF) yang diselaraskan oleh Majlis Keselamatan Negara. Op Benteng dilaksanakan di sempadan-sempadan negara bertujuan menghalang kemasukan PATI di negara ini melalui laluan yang tidak diwartakan. Berdasarkan rekod Op Benteng oleh NTF dari 1 Mei 2020 sehingga 1 Disember 2021, seramai 16,923 orang PATI telah ditangkap.

Selain itu, antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia untuk mengatasi masalah kemasukan PATI ke Malaysia adalah:

- (i) melaksanakan operasi penguatkuasaan dari semasa ke semasa secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- (ii) membuat naziran ke premis-premis yang terdapat warganegara asing seperti premis majikan yang menggaji pekerja asing, institusi yang mengambil pelajar antarabangsa, kawasan pasar dan pasar borong serta kawasan kediaman rakyat tempatan;
- (iii) memperketat kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk ke negara; dan
- (iv) memastikan pelawat-pelawat asing ke negara ini diwajibkan mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka (*return ticket*) di samping semakan dibuat agar mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri disepanjang masa berada di negara ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI (JELUTONG)**

TARIKH : 2 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan kes kematian arwah Muhammad Adib Mohd Kassim, kes kematian Teoh Beng Hock dan juga kesemua kes-kes kematian dalam tahanan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan keputusan Jemaah Menteri bertarikh 9 Oktober 2021, sebuah jawatankuasa khas akan diwujudkan bagi memastikan siasatan menyeluruh, telus dan pembelaan sewajarnya terhadap kes kematian Allahyarham Adib. Jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) dan turut dianggotai oleh Menteri Dalam Negeri (KDN), Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), serta Peguam Negara.

Sehubungan itu, Kementerian Dalam Negeri dan semua agensi dibawahnya sedia memberikan komitmen penuh dan kerjasama kepada jawatankuasa khas tersebut dalam membawa pelaku ke muka pengadilan.

Yang Berhormat,

Bagi status kematian Teoh Beng Hock, pihak PDRM telah membuka kembali Kertas Siasatan kes berkenaan di bawah Seksyen 342 Kanun Keseksaan (Kurungan Salah). Kertas siasatan telah dirujuk ke Pejabat Peguam Negara pada 24 Februari 2020 dan pihak PDRM diminta untuk meneruskan siasatan dan mengemukakan kembali kertas siasatan ke pejabat Peguam Negara setelah siasatan lengkap dijalankan.

Untuk makluman, pihak polis telah menjalankan rakaman percakapan ke atas 13 orang saksi dan siasatan masih berjalan. Sehubungan itu, saya tidak berhasrat untuk mengulas lebih lanjut berhubung kes ini bagi mengelakkan ianya mengganggu siasatan.

Yang Berhormat,

Kementerian memandang serius kes-kes kematian semasa dalam tahanan. Kementerian juga sentiasa mengambil langkah-langkah pembaharuan untuk mengatasi kejadian berkenaan dari terus berulang pada masa hadapan. Ini termasuk menyediakan penilaian kesihatan kepada tahanan-tahanan lokap PDRM di seluruh negara. Sehubungan itu, Kementerian komited dalam

memastikan setiap kes yang berlaku akan disiasat dan diambil tindakan berdasarkan lunas undang-undang sedia ada serta membawa pelaku terlibat ke muka pengadilan.

Statistik terkini kematian orang tahanan yang dilaporkan dalam lokap Polis Diraja Malaysia (PDRM), bermula dari **1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020** adalah seramai **13 orang**. Pihak PDRM telah membuka kertas siasatan berhubung perkara ini dan tujuh (7) daripada hasil siasatan tersebut telah dirujuk ke Mahkamah. Mahkamah telah memutuskan tiga (3) kematian diklasifikasikan sebagai 'No Further Action' manakala empat (4) kes kematian diperintahkan menjalani proses inkues. Baki enam (6) kes kematian lain masih di peringkat siasatan PDRM.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh dari 1 Januari 2021 hingga 30 September 2021 pula, sebanyak sepuluh **(10) orang** kes kematian dalam lokap PDRM dilaporkan. Daripada jumlah ini, empat (4) kematian melibatkan lelaki Melayu iaitu dua (2) Perak, satu (1) Pahang dan satu (1) Pulau Pinang manakala satu (1) kematian melibatkan perempuan Melayu di Johor. Dua (2) kematian melibatkan lelaki Cina iaitu masing-masing satu (1) di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur. Kematian melibatkan dua (2) lelaki India masing-masing dilaporkan di Melaka dan Selangor manakala satu (1) kematian melibatkan warganegara asing dilaporkan di Sabah. Sehingga kini, Mahkamah telah memerintahkan satu (1) kes dalam prosiding inkues dan Sembilan (9) kes lagi masih dalam siasatan kerana menunggu laporan *post mortem*. Selain itu, untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan statistik sedia ada, tidak ada sebarang diskriminasi berlaku terhadap mana-mana kaum semasa OKT berada dalam tahanan PDRM.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG HON WAI (BUKIT BENDERA)

TARIKH : 2 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha pembaharuan undang-undang yang telah atau sedang diusahakan oleh Kementerian Dalam Negeri sejak Mac 2020 dan bilakah pembaharuan tersebut akan dibentangkan di Parlimen.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan berpandangan bahawa undang-undang keselamatan dan pencegahan yang berada di bawah tanggungjawab Kementerian ini masih relevan dan penting bagi memelihara ketenteraman awam dan keselamatan negara. Polis Diraja Malaysia (PDRM) masih memerlukan undang-undang sedemikian agar tindakan segera boleh diambil untuk mengelakkan sebarang kegentaran awam, perselisihan antara kaum dan ancaman kepada kesejahteraan rakyat. Walaupun begitu, Kementerian komited untuk menambahbaik undang-undang tersebut dari semasa ke semasa bagi memastikan keamanan dan keselamatan Negara sentiasa terpelihara. Usaha-usaha penambahbaikan terhadap undang-undang tersebut berterusan dari semasa ke semasa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
(SELAYANG)**

TARIKH : 2 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) kriteria untuk menyenaraikan kumpulan penganas; dan
- (b) alasan-alasan penyenaraian atau tidak menyenaraikan Al Shabaab Somalia dan Harimau Pembebasan Tamil Eelam (LTTE) sebagai organisasi-organisasi penganas.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi menjawab soalan pertama, kriteria bagi penyenaraian sesuatu entiti sebagai kumpulan pengganas adalah berdasarkan kepada lunas perundangan yang sedang berkuatkuasa iaitu Seksyen 66B (1), Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001. Kriteria yang ditetapkan adalah apabila suatu entiti telah dengan disedarinya melakukan, mencuba untuk melakukan, mengambil bahagian dalam pelakuan atau memudahkan pelakuan, suatu perbuatan keganasan; ataupun apabila suatu entiti sedang dengan disedarinya bertindak bagi pihak, mengikut arahan, atau dengan bersekutu dengan, suatu entiti seperti yang dinyatakan tadi.

Manakala bagi soalan kedua pula kumpulan Al-Shabab dan kumpulan Liberation Tigers of Tamil Eelam (LTTE) telah disenaraikan sebagai Entiti Ditentukan sejak tahun 2014 dan masih kekal sehingga ke hari ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN GOBIND SINGH DEO (PUCHONG)

TARIKH : 2 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tentang status kewarganegaraan anak-anak yang dilahirkan di luar negara di mana ibu atau bapa mereka rakyat Malaysia selepas keputusan Mahkamah Tinggi dalam kes Suraini Kempe & 6 Others v Kerajaan Malaysia & 2 Others.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri bersimpati dengan kes-kes ibu warganegara Malaysia yang berkahwin dengan lelaki bukan warganegara yang melahirkan anak di luar negara kerana perlembagaan tidak memperuntukkan untuk anaknya diberikan taraf kewarganegaraan secara kuatkuasa undang-undang. Namun demikian, Kementerian terikat dengan Perlembagaan dan perundangan sedia ada dalam negara berhubung dengan kewarganegaraan yang diperuntukkan dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan dan Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964].

Kementerian berada dalam keadaan terhimpit di atas keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Suriani Kempe & 6 lagi - lawan-Kerajaan Malaysia dan juga kes Mahisha Sulaiha Abdul Majeed -Iwn-Ketua Pengarah Pendaftaran Negara & 2 Lagi berhubung isu pentafsiran perkataan "bapa" dalam Jadual Kedua, Bahagian II, Seksyen 1(b) dan 1(c) Perlembagaan Persekutuan. Berhubung dengan keputusan permohonan penangguhan pelaksanaan perintah mahkamah (*stay of execution*) yang telah didengar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 15 November 2021 yang mana Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menolak permohonan tersebut. Kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara telah memfailkan "*fresh application for stay*" bersama Perakuan Segera (*Certificate of Urgency*) di Mahkamah Rayuan pada hari ini 16 November 2021. Pemfailan "*fresh application for stay*" ini dibuat bertujuan menangguhkan pelaksanaan perintah Mahkamah Tinggi.

Selain daripada itu, Kementerian bercadang untuk membawa perkara ini bagi mendapat polisi baharu Kerajaan untuk meminda perlembagaan bagi pemerolehan kewarganegaraan Malaysia bagi individu berumur di bawah 21 tahun yang dilahirkan di luar negara

SOALAN NO : 30

oleh ibu bertaraf warganegara Malaysia yang berkahwin dengan bapa bertaraf bukan warganegara secara kuat kuasa undang-undang. Dalam masa yang sama perkara ini perlu mendapat persetujuan Majlis Raja-Raja selaras dengan Perkara 159(5) Perlembagaan Persekutuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut Perlembagaan Persekutuan pemerolehan kewarganegaraan Malaysia bagi individu berumur di bawah 21 tahun yang dilahirkan di luar negara oleh ibu bertaraf warganegara Malaysia yang berkahwin dengan bapa bertaraf Bukan Warganegara adalah secara pendaftaran di bawah Perkara 15(2) tertakluk kepada pematuhan syarat dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, kesahtaraan serta peraturan imigresen.

Bermula pada tahun 2010, bagi memudahkan urusan permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan, permohonan boleh di buat di mana-mana pejabat perwakilan Malaysia di luar negara bagi kanak-kanak yang berumur tidak melebihi satu tahun ketika permohonan dibuat.

SOALAN NO : 30

SOALAN NO : 31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN
[JULAU]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan proaktif Kementerian dalam mengawal dan membanteras isu perjudian dalam talian yang kini semakin berluasa di alam maya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, antara tindakan yang telah diambil dan dirancang oleh pihak PDRM termasuklah:

1. Mengadakan operasi dan serbuan secara berterusan melalui Op Dadu termasuklah operasi bersepadu dengan kerjasama agensi-agensi lain seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk melumpuhkan kegiatan ini;
2. Bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) bagi sekatan laman sesawang perjudian di bawah Sek. 263 (2) Akta Komunikasi Multimedia;
3. Bekerjasama dengan syarikat-syarikat utiliti seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan syarikat bekalan air untuk tindakan pemotongan bekalan elektrik dan air ke atas premis yang sering digunakan oleh sindiket perjudian;

SOALAN NO : 31

4. Mengambil tindakan ke atas pihak-pihak yang terlibat dalam kegiatan ini termasuklah penjaga premis dan penganjur kegiatan perjudian haram di bawah peruntukan undang-undang berkaitan judi sedia ada seperti Akta Rumah Judi Terbuka 1957 dan Akta Pertaruhan 1953. Selain itu, tindakan yang lebih keras juga akan diambil di bawah peruntukan undang-undang lain yang berkaitan iaitu Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001; dan
5. Meneliti undang-undang berkaitan judi sedia ada bagi tujuan pindaan penambahbaikan bagi memastikan undang-undang ini relevan dengan perubahan modus operandi sindiket perjudian ini terutamanya perjudian atas talian (*online*). Dalam hal ini, Kementerian Dalam Negeri juga telah turut dilibatkan di dalam kajian undang-undang berkaitan perjudian yang sedang dijalankan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) untuk ditambah baik supaya sentiasa selaras dengan perkembangan semasa.

Untuk makluman Yang Berhormat juga pindaan akta di bawah Kementerian Kewangan berkaitan hukuman berat dan penalti yang dikenakan kepada operator/penganjur yang tidak dilesenkan dan pemain/punters bagi tujuan membanteras aktiviti perjudian yang tidak dilesenkan dijangka akan dibentangkan pada tahun 2022.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE EMPAT,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON
(TEBRAU)**

TARIKH : 2 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON [TEBRAU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan bersedia untuk memberi Visa-free atau Visa On Arrival kepada warga daripada The People's Republic of China memandangkan negara lain yang lebih maju pun telah buat demikian oleh sebab pelancong-pelancong China ada buying power yang akan buat industri pelancongan kita berkembang pesat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia telah menawarkan kemudahan *Visa on Arrival* (VOA) kepada warganegara asing dari Republik Rakyat China (RRC) dan India yang merupakan kemudahan mendapatkan visa semasa ketibaan di pintu masuk Malaysia. Kemudahan VOA ini telah pun dilaksanakan mulai 1 Januari 2014 kepada pelancong-pelancong RRC dan India yang masuk melalui negara ketiga iaitu Singapura, Thailand, Indonesia dan Brunei.

Kerajaan turut memperkenalkan kemudahan eVISA kepada pelancong warganegara RRC yang ingin memasuki Malaysia dalam tempoh tidak melebihi 30 hari, untuk membuat permohonan secara dalam talian (*online*) dan mencetak sendiri visa Malaysia setelah kelulusan diberikan dalam tempoh 48 jam daripada masa permohonan lengkap dikemukakan. Semakan dan kelulusan bagi permohonan eVISA melalui dua peringkat saringan iaitu semakan ke atas Senarai Syak Jabatan Imigresen Malaysia serta semakan yang dilakukan oleh atase imigresen ke atas dokumen sokongan yang dimuatnaik secara atas talian.

Pada masa ini, kemasukan semua pelancong asing termasuk dari RRC ke Malaysia masih tidak dibenarkan. Pembukaan sempadan negara adalah tertakluk kepada keputusan Kerajaan setelah mengambil kira nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia dan situasi pandemik COVID-19.